

EMBARGO

**TIDAK BOLEH
DISIARKAN SEBELUM
JAM 5:00 PETANG
18 JULAI 2023**



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

192 GRADUAN TERIMA PENEMPATAN KERJA DI 25 SYARIKAT BIOTEKNOLOGI MELALUI PROGRAM BeST 2.0

CYBERJAYA, 18 Julai 2023 – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Chang Lih Kang mengumumkan bahawa sejumlah 192 orang graduan telah berjaya mendapat penempatan kerja di 25 buah syarikat bioteknologi dan berasaskan bio melalui program Kerjaya Dan Keusahawanan Bioagrotek & BioFarmaseutikal 2.0 (BeST 2.0) dari tahun 2021 sehingga 1 Mei 2023 di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12). Program itu dilaksanakan oleh Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) melalui bahagian BioAcademy, yang berprinsipkan “PLACE-TRAIN-HIRE” bagi menempatkan, melatih dan mengambil graduan sebagai pekerja berpengetahuan dalam industri bioteknologi dan berasaskan bio.

YB Chang Lih Kang yakin bahawa program-program di bawah BioAcademy termasuklah BeST 2.0 dapat menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan, pengurangan pengangguran, penerapan teknologi moden dan pertumbuhan ekonomi yang rancak di Malaysia, di samping melahirkan lebih ramai pekerja berpengetahuan dan usahawan bio yang kompetitif dan bersedia menceburi pasaran global. “Program BeST 2.0 menasaskan penempatan kerja berpengetahuan tinggi dan pendapatan tinggi seramai 600 orang graduan dalam sektor bioteknologi sepanjang program RMKe-12. Kejayaan program BeST 2.0 merupakan satu langkah positif ke arah menangani cabaran jurang perbezaan antara kemahiran graduan tempatan dengan kemahiran tenaga kerja diperlukan yang sering dihadapi dalam industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.”

“Program ini juga dapat membentuk tenaga kerja yang berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan dan kekosongan dalam industri bioteknologi dan berasaskan bio, selaras dengan Dasar Bioteknologi Negara 2.0 yang disasarkan untuk membangunkan tenaga kerja dan bakat yang cekap dan adaptif untuk industri bioteknologi di Malaysia,” kata beliau semasa Majlis Apresiasi Peserta dan Pemain Industri BeST 2.0 di Dash Box Hotel, Cyberjaya, hari ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, En Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak, kerjasama padu yang dijalinan bersama 25 buah syarikat bioteknologi dan berasaskan bio merupakan kunci utama bagi kejayaan program BeST 2.0. “Bagi pengambilan pertama program BeST 2.0 iaitu pada tahun 2021, syarikat-syarikat hos ini telah menyerap 93% (59 daripada 63 orang) peserta program BeST 2.0 untuk menjadi

EMBARGO

TIDAK BOLEH
DISIARKAN SEBELUM
JAM 5:00 PETANG
18 JULAI 2023

pekerja tetap. Sokongan hebat yang diberikan oleh pemain-pemain industri termasuklah yang syarikat berstatus BioNexus dan Bio-based Accelerator telah memudahkan Bioeconomy Corporation untuk berjaya memadamkan graduan bioteknologi dan berasaskan bio dengan kemahiran dan kelayakan akademik yang diperlukan oleh syarikat-syarikat dalam industri ini.”

“Kami ingin memperluaskan kerjasama dan pelaksanaan program-program di bawah BioAcademy untuk melatih dan melahirkan lebih ramai bio-usahawan muda dalam mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) Malaysia dalam industri bioteknologi dan berasaskan bio ke pasaran tempatan dan luar negara, selari dengan program mySTI. Dengan demikian, usaha ini akan menciptakan lebih banyak peluang pekerjaan dalam industri-industri berasaskan teknologi,” tambah En Khairul.

Di bawah program BeST 2.0, siswazah dan graduan tempatan dan luar negara ditempatkan sebagai perantis di syarikat-syarikat hos dalam industri bioteknologi dan berasaskan bio termasuklah biopertanian dan biofarmaseutikal. Mereka menjalani latihan insaniah, teknikal serta latihan kerja selama enam bulan sebelum ditawarkan pekerjaan tetap di syarikat penempatan atau di syarikat lain. Bagi pengambilan kedua program BeST 2.0 sejak Mac 2023, 44 orang graduan sedang menjalani penempatan kerja di syarikat hos masing-masing hingga September 2023. Pengambilan ketiga sejak Julai 2023 telah menarik 45 orang graduan yang kini menjalani latihan-latihan insaniah dan teknikal di Rekascape, Cyberjaya selama sebulan sebelum ditempatkan di syarikat-syarikat hos. Lanjutan ini, pengambilan keempat seramai 40 orang graduan telah dimuktamadkan dan mereka akan mula menjalankan latihan dan penempatan kerja program BeST 2.0 pada bulan Ogos 2023.

Program BeST 2.0 diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan disokong oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). BeST 2.0 merupakan susulan kepada program BeST 1.0 yang telah dilancarkan pada tahun 2007 bagi memastikan kesinambungan dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi yang menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan industri bioteknologi dan berasaskan bio. Untuk maklumat lanjut tentang program BeST 2.0, sila layari: <https://www.bioeconomycorporation.my/bioacademy/best-programme/>.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

18 JULAI 2023



EMBARGO



Bioeconomy Corporation

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan

merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berasaskan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Bioeconomy Corporation juga menawarkan program Bio-based Accelerator (BBA) yang membantu syarikat-syarikat pemula, perniagaan mikro dan syarikat besar dalam sektor berasaskan bio untuk menerapkan sains, teknologi dan automasi dalam operasi perniagaan mereka, supaya mereka menjadi lebih inovatif dan celik teknologi. Program ini mengenal pasti jurang dalam kemahiran, penggunaan teknologi, kewangan, kawal selia dan kebolehpasaran produk.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bioeconomycorporation.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bioeconomy Corporation

Nur Akmar Yusoff Eksekutif, Komunikasi Strategik
Malaysian Bioeconomy Development Corporation Tel: +6012 690 6108
Emel: akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my